



Untuk Siaran Segera

MINGGU MENABUNG SSPN BENTUK BUDAYA MENYIMPAN

Kuala Lumpur, 8 Oktober 2019 – Sebanyak **4,611 akaun baharu SSPN** telah dibuka sepanjang tiga (3) hari Program Minggu Menabung SSPN Tahun 2019 dengan **jumlah simpanan sebanyak RM7.5 juta**.

Majlis Perasmian Program Minggu Menabung SSPN 2019 telah diadakan pada 4 Oktober 2019 (Jumaat) yang disempurnakan oleh **Encik Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN**. Manakala **Majlis Perasmian Penutup Minggu Menabung SSPN 2019** pula telah diadakan pada 6 Oktober 2019 (Ahad) yang disempurnakan oleh **Puan Mastura Mohd Khalid, Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi), PTPTN**. Kedua-dua majlis tersebut telah diadakan bertempat di pusat beli belah **Aeon Mall Shah Alam yang merupakan lokasi utama atau peringkat nasional** bagi Minggu Menabung SSPN 2019.

Penganjuran Program **Minggu Menabung SSPN** ini diadakan **bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia** pada 31 Oktober setiap tahun. Program ini telah **diadakan di seluruh Malaysia** termasuk Sabah dan Sarawak. Di negeri-negeri lain, program telah diadakan selama 1 hari sama ada pada 4, 5 atau 6 Oktober bertempat di lokasi-lokasi terpilih.

Pelbagai aktiviti disediakan sesuai untuk ibu bapa dan anak-anak antaranya pertandingan mewarna, puzzle, *SSPN Action Song* dan *SSPN Got Talent*, Baby Merangkak Race Pa & Ma dan yang paling istimewa adalah penampilan khas *Didi & Friends* yang merupakan rakan strategik PTPTN untuk SSPN.

Tahun ini merupakan **tahun kedua PTPTN mengadakan Minggu Menabung SSPN** dan akan diteruskan setiap tahun bagi membuktikan komitmen PTPTN yang tidak pernah jemu **mempromosi dan menghebahkan informasi mengenai SSPN**

kepada semua **lapisan masyarakat di seluruh Malaysia** untuk **menabung di dalam SSPN mulai sekarang.**

Program Minggu Menabung SSPN 2019 yang diadakan ini membuktikan kesungguhan dan komitmen PTPTN dalam **menggalak dan membudayakan perancangan kewangan serta penabungan untuk pendidikan tinggi anak-anak** di kalangan ibu bapa.

“Prestasi pencapaian Minggu Menabung SSPN 2019 adalah lebih baik berbanding tahun 2018. Berlaku peningkatan sebanyak 32% bagi pembukaan akaun baharu dengan peningkatan sebanyak 121% untuk jumlah simpanan,” kata Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan.

“Minggu Menabung SSPN yang berlangsung ini dilihat telah berjaya **menarik penyertaan masyarakat Malaysia** untuk **memulakan tabungan anak-anak** dengan SSPN. Peningkatan jumlah simpanan dan bilangan akaun SSPN yang dibuka dari tahun ke tahun jelas menunjukkan bahawa **semakin ramai ibu bapa di Malaysia ini yang telah mula sedar tentang kepentingan membuat penabungan dan perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak.** Itulah istimewanya instrumen simpanan SSPN ini yang mampu membentuk **‘nation building,’** tambahnya lagi.

“Harapan saya agar **penabungan SSPN ini dilakukan secara berterusan dan konsisten dengan akaun yang kekal aktif,** bukan apabila ada program atau kempen sahaja. Jadikanlah SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan bagi pendidikan tinggi. Kami di PTPTN **sentiasa menghargai para pelanggan khususnya pendeposit SSPN dan akan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan** bagi memastikan budaya menabung bagi tujuan pendidikan melalui SSPN ini sentiasa segar di minda ibu bapa untuk anak-anak mereka,” ujarinya lagi.

SSPN yang diwujudkan oleh PTPTN ini mempunyai pelbagai keistimewaan seperti simpanan dijamin oleh kerajaan dan patuh syariah. **Kadar dividen yang diberikan juga adalah kompetitif berbanding simpanan di institusi kewangan lain.** Melalui SSPN-i juga, **perlindungan takaful secara percuma** untuk pendeposit turut disediakan apabila simpanan telah mencecah RM1,000.

Yang lebih istimewanya, skim ini **merupakan satu-satunya pelan simpanan yang diberikan pelepasan taksiran cukai**. Insentif ini telah diberikan sejak tahun 2004 lagi tetapi telah **dinaikkan jumlahnya** daripada RM6,000 setahun kepada **RM8,000** setahun mulai tahun 2019 melalui pembentangan Belanjawan 2019.

Sebagai galakan kepada mereka yang berpendapatan RM4,000 dan ke bawah untuk menabung, **Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak** diberikan jika mereka membuat simpanan dalam SSPN-i.

Selain daripada itu, semua pendeposit SSPN sedia ada mahupun yang baharu berpeluang memenangi **pelbagai hadiah menarik melebihi RM1.1 juta melalui promosi Cabutan Hadiah SSPN 2019**. Hadiah utama yang ditawarkan berupa **wang tunai lebih RM151 ribu** dan juga **kereta Proton X70 Premium**.

Selepas 15 tahun kewujudan SSPN dengan pelbagai program dan kempen yang dijalankan, sambutan yang diterima daripada masyarakat amat menggalakkan. Ia bermula dengan **deposit tahunan sebanyak RM3.04 juta sahaja pada tahun 2004** kepada **deposit tahunan sebanyak RM1.13 bilion pada tahun 2018**. **Sehingga 31 Ogos 2019**, sebanyak **4.2 juta akaun SSPN telah dibuka** dengan **deposit berjumlah RM5.1 bilion**.

Pada tahun ini PTPTN mensasarkan jumlah simpanan SSPN sebanyak RM1 billion dengan **500,000 akaun baharu** dan **sehingga 31 Ogos 2019**, sebanyak **315,976 akaun SSPN telah dibuka** dengan simpanan berjumlah **RM530.48 juta**.

Mengenai PTPTN dan SSPN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN memulakan operasi pada 1 November 1997 dan bertanggungjawab menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip pembayaran balik pinjaman; menyediakan skim simpanan dan menguruskan deposit bagi tujuan pendidikan tinggi; serta melaksanakan sebarang fungsi lain yang diamanahkan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Di

bawah SSPN ini terdapat dua produk iaitu SSPN-i (yang dilancarkan pada tahun 2004) dan SSPN-i Plus (yang dilancarkan pada tahun 2015).

Hubungi:

i) Pn. Rina binti Abd Rahman di rina@ptptn.gov.my (019 - 3888 733); atau

ii) En. Muhamad Haikal bin Asmawi di haikal@ptptn.gov.my (010 - 6568 510)

-tamat-

Disiarkan oleh: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)